

# 8 DESTINASI BELI-BELAH WAJIB PERGI!

Teks: Qistina Balqis Rohaimi

MEMBELI-BELAH ANTARA AKTIVITI YANG WAJIB DILAKUKAN SEWAKTU BERCUTI. TAPI BILA ADA TERLALU BANYAK PILIHAN TEMPAT MEMBELI BELAH KITA PASTI KELIRU DENGAN LOKASI MANA YANG PERLU DIKUNJUNGI. BUATHIJABI KELIRU INI HIJABISTA AKAN MENJADI PEMANDU ARAH UNTUK ANDA MELALUI SENARAI YANG INI. AYUH, TERBANG KE SERATA DUNIA BERSAMA HIJABISTA!

## GINZA

Peminat barangan mewah bolehlah berkunjung ke Ginza, pusat membeli-belah premium bertaraf dunia. Banyak label mewah antarabangsa serta tempatan berada di bawah bumbung ini. Pendek kata, hanya produk dan jenama yang terbaik di antara yang terbaik disediakan di sini.



## JEPUN Harajuku

Berjalan di Harajuku sentiasa mengujakan kerana kita akan jumpa banyak barangan yang comel atau lebih dikenali sebagai kawaii. Berdekatan dengan Stesen Harajuku ialah pintu masuk ke Takeshita Dori iaitu jalan kecil yang padat dengan pelbagai jenis barangan yang unik dan vintaj termasuklah restoran pencuci mulut. Kedai Daiso Harajuku pula pasti membuatkan peminatnya tidak keruan!


## ST-GERMAIN-DES-PRES

Jika anda mencari rekaan baju yang chic, novel klasik dan perabot rumah bercirikan Perancis, di sinilah tempatnya. Dipenuhi dengan pelbagai kafe indah di seratanya, gambar kenangan yang anda ambil di sini pasti sesuai untuk dimuat naik di Instagram anda.



## LONDON OXFORD STREET

Di Oxford Street terdapat lebih 300 kedai dan butik yang boleh anda terjah. Pasti rambang mata untuk memilih pakaian daripada pereka terkenal dunia. Antara jenama yang terkenal di sini ialah Selfridges, John Lewis dan Debenhams. Membeli-belah di Primark juga menyeronokkan selain mendapatkan trend fesyen terkini di Topshop berdekatan Oxford Circus dengan harga berpatutan.



## KOREA

### PASAR NAMDAEMUN

Pasar Namdaemun adalah pasar tradisi yang besar dan menjual pelbagai jenis barangan seperti periuk, karpet sehinggalah ke pakaian yang stylo. Anda pasti rambang mata melihat barang di sini apatah lagi boleh tawar-menawar. Kebanyakan pakaian yang dijual di situ berharga hanya 10 ke 20 ribu Won sahaja. Ia destinasi terbaik untuk anda membeli rekaan pakaian terkini pada harga yang mampu milik selain membeli buah tangan untuk orang tersayang apabila pulang nanti.



## COMMON GROUND

Bertemakan seni, pusat membeli-belah bercirikan kontena 'pop-up' ini akan membuatkan anda merasakan semangat yang berbeza apabila menjejakkan kaki ke sini. Anda akan temui rekaan terbaru yang unik oleh pereka tempatan dengan rona yang terang sesuai untuk anak muda. Pengunjung sememangnya akan mencari tag 'buatan Korea' jika hendak membeli barangan di sini. Pakaianya mungkin agak mahal tetapi ia sememangnya jauh lebih berkualiti daripada yang diimport dari China.



## PERANCIS

### BOULEVARD HAUSSMANN AND THE GRANDS BOULEVARDS

Bangunan klasik dan lama ini terkenal di serata dunia kerana keasliannya. Anda akan melihat pelbagai jenis produk pereka terkenal seperti pakaian, barang kemas, perhiasan rumah dan lain-lain lagi. Sewaktu musim salju, bangunan ini akan dihias indah dengan dekorasi lampu sesuai dengan musim cuti. Jadi, jangan lepaskan peluang untuk menyaksikannya!



## WESTFIELD

Di London, terdapat dua pusat utama membeli-belah Westfield iaitu di White City dan Strandford. Westfield adalah syurga untuk jenama kegemaran semua termasuklah Next, Mark & Spencer. Terdapat juga jenama mewah seperti Jimmy Choo, Louis Vuitton dan Ted Baker. Di Westfield Strandford pula terdapat 250 kedai selain 70 restoran, menjadikan ia antara pusat membeli-belah terbesar di Eropah. [hb](#)